

Ketua audit negara yakin laporan akhir 1MDB siap hujung tahun
The Malaysian Insider
Sept 7, 2015
Oleh Nabihah Hamid

Meskipun pelbagai isu yang melanda negara berhubung syarikat sarat hutang 1Malaysian Development Berhad (1MDB), Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang yakin laporan akhir dapat dibentang pada hujung tahun ini.

Bercakap kepada pemberita selepas "National Conference on Governance, Risk and Control; Gearing for Innovation" di Kuala Lumpur Ambrin berkata, pihaknya mahu menyelesaikan laporan tersebut secepat mungkin.

"Saya akan berusaha menyiapkan secepat mungkin, sebelum akhir tahun ini, tidak boleh awal lagi daripada itu," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebelum ini mengarahkan Ketua Audit Negara untuk mengesahkan secara bebas akaun-akaun berkaitan dengan 1MDB.

Sementara itu pada persidangan sama hari ini, Ambrin turut mengkritik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kerana urus tadbir yang lemah.

Beliau juga mempersoalkan sebilangan syarikat, tanpa menamakan syarikat tertentu, yang tidak melaksanakan audit dalaman.

"Penting untuk menguruskan syarikat dengan baik. Ada di antara mereka tiada audit dalaman."

"Kadang-kadang saya hairan, kita perlu ke luar negara untuk mempelajarinya, walhal mereka boleh belajar di dalam Malaysia" katanya di hadapan ratusan peserta persidangan daripada pelbagai sektor, termasuk kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Ambrin bagaimana enggan mengulas lanjut pertanyaan peserta yang kontroversi melibatkan 1MDB.

"Saya perlu simpan kenyataan saya mengenai ini (1MDB)," katanya. – 7 September, 2015

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ketua-audit-negara-yakin-laporan-interim-1mdb-siap-hujung-tahun>